

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

Kes baharu Covid-19 turun 16.9%

Kuala Lumpur: Bilangan kes baharu Covid-19 turun sebanyak 16.9 peratus kepada 15,549 pada Minggu Epidemiologi ke-35 (ME 35/2022) dari 28 Ogos hingga 3 September lalu berbanding 18,715 kes pada ME 34/2022.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi tempoh sama, 47 kematian direkodkan, penurunan 21.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Bilangan kes sembuh pada ME 35/2022 juga menurun sebanyak 20.9 peratus iaitu 25,037 kes kepada 19,813 kes."

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 35/2022 adalah 31,333 iaitu penurunan sebanyak 13.4 peratus berbanding minggu sebelumnya," kata beliau dalam kenyataan mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19,

semalam.

Kemasukan pesakit ke hospital dan Pusat Kuarantine dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC)

awam bagi setiap 100,000 penduduk untuk kategori pesakit 1 dan 2 pula menyaksikan penurunan sebanyak 9.4 peratus manakala pesakit kategori 3, 4 dan 5 berkurangan sebanyak 3.6 peratus peratus pada ME 35/2022.

Dr Noor Hisham berkata, pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) pada ME 35/2022 meningkat sebanyak satu peratus, katil bukan kritis turun satu peratus manakala katil PKRC berkurangan dua peratus berbanding minggu sebelumnya.

Selain itu, peratusan pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat 0.2 peratus

pada ME 35/2022 berbanding ME 34/2022.

Beliau berkata, kes positif yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara turut menunjukkan pengurangan.

"Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sebanyak 21.4 peratus, kes baharu yang menjalani pemantauan di rumah turun sebanyak 18.7 peratus manakala kes yang dirujuk CAC ke hospital berkurangan sebanyak 24.9 peratus," katanya.

Katanya, hasil surveyan Covid-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati sebanyak 101 sampel Penyakit Seperti Influenza (ILI) dikesan positif Covid-19 dengan kadar 15.0 peratus manakala sampel Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dikesan positif Covid-19 adalah 1.6 peratus.



PENGUNJUNG sebuah pusat beli-belah di Kota Kinabalu memakai pelitup muka. - Gaabar NSTP/MOHD ADAM ARININ

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Kes Covid-19 catat bawah angka 2,000

PUTRAJAYA — Angka jangkitan Covid-19 mencatatkan sebanyak 1,904 kes termasuk satu kes import menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 4,753,362 setakat ini.

Berdasarkan data COVID-NOW, sejumlah 3,138 kes sembilan direkodkan dengan jumlah keseluruhan pulih seramai 4,726,250 orang.

"Selangor mencatatkan jumlah kes harian tertinggi iaitu sebanyak 671 diikuti Kuala Lumpur (328), Sabah (167), Perak (165), Negeri Sembilan (87), Melaka (84), Pulau Pinang (77), Johor (70) dan Sarawak (68).

"Ia diikuti Kedah (50), Pahang

(44), Kelantan (42), Terengganu (21), Putrajaya (18), Perlis (10) dan Labuan (2)," katanya.

Sementara itu, dua kematian dilaporkan dengan tiada kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) seterusnya menjadikan jumlah kematian sebanyak 36,245.

Jumlah kematian BID pula sebanyak 7,704 setakat ini.

Sebanyak 27,584 kes dikuarantin di rumah, 18 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 1,286 kes di hospital, 37 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 36 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

Negara bakal kehilangan tenaga produktif jika gagal terima organ baharu

SHAH ALAM - Negara akan kehilangan tenaga yang produktif sekiranya anak muda yang mengalami masalah kegagalan organ tidak berjaya menerima organ baharu.

Naib Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Profesor Dr Rafidah Hanim Mokhtar berkata, tindakan menderma organ selepas meninggal dunia atau masih hidup dapat memberi sinar kepada pesakit yang sedang menunggu untuk mendapatkan organ baharu.

"Tindakan menderma organ kepada golongan memerlukan boleh menyelamatkan mereka yang mengalami masalah kegagalan organ penting terutama melibatkan pesakit yang masih muda.

"Justeru negara tidak lagi kehilangan tenaga kerja produktif apabila anak-anak muda ini berpeluang untuk menyumbang kemahiran dan kepakaran dalam bidang kerja tertentu setelah mereka pulih dan sihat selepas pemindahan organ tersebut.

"Selain ia dapat membaiki kualiti kehidupan mereka yang mengalami masalah hidupan mereka yang mengalami masalah kegagalan organ," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Ahad, media melaporkan, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan kadar pendermaan organ dalam kalangan rakyat Malaysia antara 10 negara yang terendah di dunia.

Berdasarkan Cerapan Derma dan Pemindahan Organ Global, kadar transplantasi di Malaysia hanya 2.84 perbedahan bagi sejuta populasi pada tahun lalu berbanding 5.64 perbedahan dalam tahun 2020.

Dr Rafidah Hanim yang juga Profesor Fisiologi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, kerajaan juga perlu mengeluarkan perbelanjaan bagi rawatan seperti hemodialisis susulan masih kekurangan penderma organ.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan hukum pendermaan dan pemindahan organ adalah harus (diblehkan), menurut Fatwa Kebangsaan pada 1970.

"Saya berpandangan masih ramai lagi pihak yang tidak jelas mengenai hukum

pendermaan dan pemindahan organ.

"Ada antara mereka merasakan sekiranya menderma organ tersebut akan disalah guna, malah prosedur itu akan merosakkan jasad penderma orang yang meninggal dunia dan sebagainya," ujarnya.

Menurutnya, individu yang menderma organ kepada golongan memerlukan bukan sahaja merupakan satu tindakan yang mulia, malah

memberi kehidupan lebih baik kepada penerima sekali gus mereka dapat me luangkan masa dengan orang tersayang pada jangka masa lebih lama.

Katanya, pengikrar penderma organ diminta untuk memaklumkan hasrat mereka kepada ahli keluarga dan waris bagi memastikan tidak berlaku permasalahan di kemudian hari.

"Kita faham masalah menderma organ ini merupakan isu sensitif kerana ia melibatkan persetujuan ramai pihak.

"Sebagai contoh ada kes walaupun individu yang meninggal dunia itu telah

berikrar untuk menderma organ mereka selepas meninggal dunia."

"Bagaimanapun ada ahli keluarga yang tidak dimaklumkan mengenai perkara tersebut tidak bersetuju atau membantarkan organ itu diambil bagi tujuan pendermaan organ," jelas beliau.

Justeru, Dr Rafidah Hanim berkata, setiap pengikrar penderma organ perlu menjelaskan hasrat mereka itu kepada waris dan ahli keluarga supaya mereka memahami dan membenarkan prosedur pemindahan organ berkenaan.

Beliau juga menyokong usaha Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan ciri baharu dalam MySejahtera bagi membolehkan pengguna menjadi pengikrar penderma organ selepas kematian, menerusi aplikasi itu.

"Saya rasa ia suatu langkah yang bagus untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat mendaftar untuk menjadi pengikrar penderma organ.

"Namun, perkara paling penting ialah sesiapa yang berhasrat untuk menjadi penderma perlu memaklumkan dan berbincang dengan ahli keluarga," ujar beliau.



DR RAFIDAH HANIM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Ramai tidak setuju kerajaan mansuh pemakaian pelitup muka

SHAH ALAM - Rata-rata pengguna media sosial tidak bersetuju sekiranya kerajaan memansuhkan pemakaian pelitup muka.

Menerusi tinjauan *Sinar Harian* di platform media sosial pada Isnin, sebanyak 49 peratus undi orang ramai yang tidak bersetuju dengan pemansuhan tersebut.

Selain itu, 43 peratus undi pula menyokong keputusan tersebut manakala tujuh peratus undi lagi tidak pasti.

Berdasarkan ruangan komen yang ditinggalkan di perkongsian terbabit, kebanyakannya mereka tidak bersetuju kerana berpandangan wabak Covid-19 masih lagi belum berakhiran dan kes-kes

masih lagi meningkat.

Tidak kurang juga ada yang berpendapat bahawa pemakaian pelitup muka penting sebagai langkah berjaga-jaga kepada masyarakat.

Kutipan undian yang bermula pada jam 1 petang Isnin itu dilakukan menerusi platform media sosial Instagram *Sinar Harian*.

Pada Isnin lalu, Pengerusi Majlis Pemuliharan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melihat secara terperinci mengenai kelonggaran pemakaian pelitup muka dengan skop lebih luas selepas ia diwajibkan ke atas semua pen-

duduk di negara ini sejak lebih dua tahun lalu.

Ujar Muhyiddin Yassin, MPN telah memohon Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali supaya melihat kepada keperluan pemakaian pelitup muka sekiranya situasi pandemik Covid-19 beransur pulih.

Pemakaian pelitup muka diwajibkan berkuat kuasa 1 Ogos 2020 dan dilonggarkan di kawasan terbuka pada 1 Mei lalu.

Keputusan tinjauan undi sehingga jam 6 petang pada Isnin.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

KJ: Malaysia can become world-class hub for clinical research

By SHARON LING
sharonling@thestar.com.my

KUCHING: Malaysia has the potential to become a world-class hub for clinical research due to its genomic diversity, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said Malaysia's multi-ethnic population would benefit clinical trials seeking to understand the effectiveness of a new therapy across a diverse Asian population.

"There is no other country which has arguably one-third of the global genomic profile.

"One third of the world is either

Chinese or Indian and we have that here, and then we have a huge other chunk which is Malay.

"The experts tell me this is sound science because genetic differences make a difference as far as the efficacy of the treatment is concerned," he said.

Khairy was speaking at the signing of a memorandum of understanding between Clinical Research Malaysia (CRM), Novartis Malaysia and the Sarawak General Hospital (SGH) here yesterday.

He said Malaysia also had some of the best principal investigators in the world, including at SGH.

In addition, he said Malaysia was relatively low-cost for clinical research and trials, while the time to trial in Malaysia was one of the fastest in the world.

"This has resulted in Malaysia being the number two country in South-East Asia for the number of industry-sponsored clinical trials.

"I've given CRM the challenge of becoming number one within the next three years," he said.

With the MOU, Khairy said SGH would become Novartis' preferred site for clinical research, making it a centre of excellence in the country catering to different phases of clinical trials.

cal trials.

"By having this site established in Sarawak, not only will the health equality gap in Sarawak be addressed, but also Malaysia can leverage by attracting talent ranging from medical specialists to researchers who would be encouraged to work in this region," he added.

Separately, Khairy declined to comment on the possibility of contesting in Seremban in the 15th General Election (GE).

"Tak payah lah (there's no need)," he told a press conference after the MOU signing in response to a question about DAP secretary-general

Anthony Loke's prediction of a fierce battle in Seremban should he stand there.

Loke said Seremban would be one of the hottest seats in GE15 if Khairy were to contest there.

Loke, who is Seremban MP, was commenting on a proposal by Seremban Umno Youth that Khairy stand there.

Khairy had said on Sunday that he was prepared to give up his Rembau parliamentary seat to division chief and Umno deputy president Datuk Seri Mohamad Hasan, adding that in the worst-case scenario he would not contest in the coming election.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Hospital, two clinics in Sarawak to be upgraded

SIMUNJAN: The Health Ministry has taken immediate action to upgrade facilities at Semera and Sadong Jaya health clinics as well as Simunjan Hospital to improve the quality of healthcare in the area.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the move is to overcome the challenges posed by dilapidated and unsafe health clinics and hospitals in Sarawak.

"As short-term planning for the

Semera health clinic, we (the ministry) will provide a comfortable, air-conditioned cabin as replacement for the maternity ward building that has been certified unsafe by the Public Works Department, so services at the clinic will not be disrupted," he told reporters at Simunjan Hospital here yesterday.

He said the Semera health clinic, which was built in 1978, is one of

the most dilapidated clinics.

Also present at the event were Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who is also Batang Sadong MP, and Sarawak Deputy Premier Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

As for the Sadong Jaya health clinic, Khairy said the emergency treatment room will be upgraded to include a generator to cope with the electricity supply problems.

"For Simunjan Hospital, the construction of a new children's ward will be included in the fourth quarter of the 12th Malaysia Plan," he said, adding that this is to replace the existing ward, which is no longer safe for occupation.

He added that a soil analysis will be undertaken before construction begins to ensure structural stabilisation of the new building.

- Bernama

New Covid-19 cases down 16.9% last week

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases decreased by 16.9% to 15,549 in the 35th Epidemiological Week (EW35) from Aug 28 to Sept 3, compared with 18,715 in EW34.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 47 deaths were recorded for the same period, a decrease of 21.7% compared with the previous week.

"The number of recovered cases also dropped by 20.9%, from 25,037 cases to 19,813.

"The average number of active cases per day was 31,333, which is a decrease of 13.4% compared with the week before," he said in a statement yesterday on the latest Covid-19 infections in the country.

Admissions to hospitals and public low-risk Covid-19 quarantine

and treatment centres saw a decrease of 9.4% per 100,000 residents for patients in categories one and two. Meanwhile, there was a decrease of 3.6% for categories three, four and five.

Noor Hisham said occupancy of intensive care unit beds in EW35 increased by 1%, non-critical beds decreased by 1%, while public quarantine and treatment centres

beds decreased by 2%.

He also said the percentage of Covid-19 patients requiring respiratory assistance increased by 0.2%. Positive cases monitored by Covid-19 Assessment Centres (CAC) across the country also showed a decrease.

"The number of patient arrivals to CAC decreased by 21.4%, new cases that required monitoring at home

decreased by 18.7%, while cases referred by CAC to hospitals decreased by 24.9%."

He said the results of surveillance of Covid-19 at sentinel locations across the country found that a total of 101 influenza-like illness samples tested positive for Covid-19 at a rate of 15%, while Severe Acute Respiratory Infection samples testing positive for Covid-19 was 1.6%. - Bernama

+